

# Tongkat khutbah tulang ikan yu paus

04/6/2021 MS:20

Tongkat berusia 126 tahun masih digunakan di Masjid Losong Haji Mohd

## KUALA TERENGGANU

**S**esiapa sahaja yang melewati Masjid Losong Haji Mohd yang terletak di pinggir bandar raya Kuala Terengganu pasti tidak menyangka di dalamnya terdapat sebatang tongkat khutbah berusia 126 tahun, diperbuat daripada tulang ikan yu paus.

Ketua Jabatan Seni dan Reka Bentuk, Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Dr Harleny Abd Arif berkata, selain pada bahagian hulu tongkat tersebut, tulang ikan yu paus dijadikan sebagai sebahagian daripada 99 gelung kecil berbentuk segi lapan dan ia disarungkan pada tongkat kayu sepanjang lebih kurang 1.5 meter itu.

“Sebahagian gelung kecil yang menyerupai cincin itu diperbuat daripada tulang ikan yu paus yang disusun berselang seli dengan spesies kayu keras. Pada permukaan luar setiap gelung kecil itu pula dihiasi dengan ukiran bermotifkan geometrik,” katanya kepada *Bernama* di masjid itu yang terletak di Kampung Losong Haji Mohd di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, pada permukaan setiap ukiran tersebut juga ditampalkan kulit tiram dengan menggunakan teknik *inlay* (tebuk, tampal dan gosok) yang mana penggunaan kulit hidupan laut itu turut ditemukan pada barangan perhiasan dari India dan Pakistan.

Dalam pada itu katanya, terdapat ukiran aksara Arab yang tertulis 1312 Hijrah pada hulu tongkat khutbah tersebut dan apabila ditukar pada tahun masihi ia bersamaan dengan 1895 Masihi, yang diyakini merupakan tahun pembuatan tongkat itu.



Dr Harleny menunjukkan tongkat khutbah diperbuat daripada tulang ikan yu paus ketika ditemui di Masjid Losong Haji Mohd, baru-baru ini.

FOTO: BERNAMA



Dr Harleny menunjukkan sebatang tongkat khutbah diperbuat daripada tulang ikan yu paus ketika ditemui di Masjid Losong Haji Mohd, baru-baru ini.



Ukiran aksara Arab tertulis 1312 Hijrah pada hulu tongkat khutbah tersebut bersamaan 1895 Masihi, diyakini merupakan tahun pembuatan sebatang tongkat khutbah yang terdapat di Masjid Losong Haji Mohd.

Jelas beliau, usia tongkat khutbah itu juga seiring dengan usia pembinaan Masjid Losong Haji Mohd yang sedia ada kini iaitu sekitar penghujung 1890-an. Masjid tersebut dibina baharu kira-kira 50 meter dari tapak masjid lama.

Sebelum ini, *Bernama* melaporkan mengenai penemuan sebuah mimbar berusia 211 tahun yang terdapat di dalam ruangan solat masjid tersebut oleh Harleny.

“Lazimnya, usia binaan sesebuah masjid bersama mimbar dan tongkat khutbahnya adalah seiring. Namun yang menariknya mengenai Masjid Losong Haji Mohd ini, usia mimbar (lebih 200 tahun) berselisih lebih 80 tahun daripada usia tongkat khutbah (lebih 120 tahun).”

“Mimbar tersebut telah dipindahkan dari tapak masjid yang asal ke masjid sekarang, manakala pembuatan tongkat khutbah pula dihasilkan kemudiannya dan ia selari dengan usia seni bina masjid baharu,” katanya.

Harleny berkata, antara faktor ke-

mungkinan tulang ikan yu paus digunakan pada pembuatan tongkat khutbah itu adalah kerana sejak dahulu lagi perairan tanah air telah menjadi lokasi laluan dan persinggahan spesies ikan itu.

Pensyarah Kanan Jabatan Seni dan Reka Bentuk, Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif UPSI Drs Izani Mat II yang turut sama menjalankan kajian terhadap tongkat khutbah itu pula memberitahu, tulang ikan yu paus yang digunakan adalah daripada bahagian sirip.

Hal ini kerana jisim tulang ikan pada bahagian sirip lebih mampat berbanding bahagian tulang lain dan ia kebiasaannya digunakan oleh masyarakat zaman dahulu untuk penghasilan kraftangan, katanya.

“Tulang ikan ini hampir menyerupai gading gajah tetapi lokasi penemuan itu (tongkat khutbah) berdekatan dengan kawasan pantai jadi agak mustahil sekiranya ia gading gajah. Dan agak jarang kraftangan diperbuat daripada gading gajah kerana amat mahal dan jarang didapati kecuali di


kawasan pergunungan,” katanya.

Beliau menambah ikan yu paus yang sering dijumpai di Laut China Selatan itu merupakan spesies hampir pupus dan kehadirannya yang berhijrah secara bermusim, kini sentiasa dinantikan golongan penyelam terutama di perairan Tanjung Datu, Sarawak dan perairan Temajak di Sambas, Kalimantan Barat, Indonesia.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Masjid Losong Haji Mohd, Mohd Muda berkata, tongkat khutbah daripada tulang ikan yu paus itu telah sekian lama diketahui penduduk setempat dan kisahnya diperturunkan daripada satu generasi ke satu generasi.

“Sebelum ini saya dengar daripada orang terdahulu sahaja bahawa tongkat ini dibuat daripada tulang ikan yu paus. Sejak sekian lama, ini kali pertama ada golongan penyelidik yang datang ke masjid buat kajian terhadap tongkat ini,” katanya sambil memberitahu tongkat tersebut masih digunakan hingga ke hari ini. - *Bernama*

## Replika Bahtera Nabi Nuh dibenarkan belayar semula



Replika gergasi Bahtera Nabi Nuh yang ditahan di England. - Agensi

**LONDON** - Replika gergasi Bahtera Nabi Nuh yang ditahan 20 bulan selepas didapati tidak mematuhi undang-undang maritim di England, dibenarkan belayar semula menuju ke Belanda.

BBC melaporkan bahtera sepanjang 70 meter yang diubah menjadi muzium terapung itu, tiba di Ipswich, England pada 2019 dan tersadai berbulan-bulan di negara itu.



Agensi Pengawal Pantai dan Maritim (MCA) berkata, kapal berkenaan dibenarkan meninggalkan Ipswich selepas berjaya menyelesaikan beberapa isu berdasarkan undang-undang maritim.

Wakil pengendali pelabuhan Ipswich, Evelyn Voaden berkata, dua bot tunda dan sebuah bot pekerja dikerahkan membantu menunda kapal terbabit keluar dari pelabuhan.

“Selepas menjalankan pemeriksaan ke atas kapal terbabit dan mengesahkan beberapa masalah diselesaikan pemilikannya, ia dibenarkan belayar semula,” katanya.

Difahamkan kapal itu dibeli dengan harga 2.6 juta pound (RM14.9 juta) oleh seorang produser televisyen dari Belanda.

Malah, pasukan daripada 50 pakar pertukangan mengambil masa hingga lima bulan untuk menjadikannya sebagai sebuah muzium. - *Agensi*